

BAB 4

LATAR BELAKANG DAN PRESTASI PELAJAR

I.1 Pengenalan

3ab ini membincangkan taburan sampel kajian dan pengaruh faktor-faktor latar belakang pelajar terhadap pencapaian akademik pelajar di Universiti Malaya. Analisa yang dibuat adalah berdasarkan taburan sosio-demografi dan profil responden mengikut jantina, kumpulan etnik, jenis sekolah rendah, pendidikan tertinggi yang pernah diterima oleh saha, tempat kediaman awal, tempat tinggal semasa belajar di universiti dan agregit SPM/ SPVM yang diperolehi sebelum memasuki universiti.

I.2 Analisa Univariat Bagi CGPA Pelajar


Statistik deskriptif untuk nilai CGPA ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Jadual ini menunjukkan bahawa hanya 736 responden yang sah untuk analisa statistik bagi pencapaian CGPA. Dapat diperhatikan bahawa taburan pencapaian CGPA menunjukkan nilai min 3.02 menghampiri median 3.01. Nilai CGPA yang paling kerap dicapai oleh responden ialah 3.00. Julat boleh diperolehi daripada beza antara nilai maksimum dengan minimum. Oleh itu, nilai julat ialah $4.00 - 1.71 = 2.29$. Dalam pada itu, julat antara kuartil boleh diperolehi daripada beza antara persentil ke-25 dengan persentil ke-75. Dengan demikian, julat antara kuartil bagi sampel kajian ini ialah $3.36 - 2.70 = 0.66$.

Jadual 4.1: Statistik Deskriptif Untuk Nilai CGPA


| | | |
|-------------------------|----|------|
| Saiz sampel, n | | 736 |
| Min | | 3.02 |
| Median | | 3.01 |
| Mod | | 3.00 |
| Minimum | | 1.71 |
| Maksimum | | 4.00 |
| Persentil (Percentiles) | 25 | 2.70 |
| | 75 | 3.36 |

Andaian normal bagi taburan pencapaian akademik untuk responden sampel kajian ini seterusnya dikenalpasti secara grafik oleh histogram dan garis lengkung normal dalam Rajah 4.1 serta plot normal P-P dalam Rajah 4.2 yang memaparkan sisihan setiap titik dari garis lurus 45^0 . Plot kotak (*boxplot*) dalam Rajah 4.3 menunjukkan hanya satu jata terpencil dalam taburan ini. Ujian Kolmogorov-Smirnov sebaliknya menolak hipotesis bahawa data ini normal. Mungkin transformasi anti-Gaussian perlu digunakan. Walau bagaimanapun, ianya di luar skop kajian ini dan oleh kerana ketiga-tiga rajah tersebut mencadangkan taburan data berkenaan menghampiri normal, maka analisis diteruskan dengan lebih berjaga-jaga.


Rajah 4.1: Histogram Dan Garis Lengkung Normal Untuk Nilai CGPA



Rajah 4.2: Plot Normal P-P Untuk Nilai CGPA



Rajah 4.3: Plot Kotak Untuk Nilai CGPA



Pencapaian akademik pelajar kemudian dibahagikan kepada 5 kategori seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Berdasarkan keputusan dalam jadual ini dapat dilihat bahawa 51% daripada pelajar dalam sampel kajian ini mencapai CGPA 3.0-<3.7 dan 37% daripada mereka mendapat CGPA 2.3-<3.0. Ini bermakna majoriti daripada responden ncapai prestasi dalam Kelas Kedua (Tertinggi dan Rendah). Hanya 6% memperolehi CGPA 3.7 dan ke atas (Kelas Pertama) dan lebih kurang 5% memperolehi CGPA 2.0-<2.3 (Kelas Ketiga). Sebahagian kecil sahaja (1%) memperolehi CGPA setakat lulus. Taburan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai prestasi sederhana baik dan hanya sebilangan kecil sahaja mempunyai prestasi paling baik atau paling lemah.

Jadual 4.2: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pencapaian CGPA

| CGPA | Kekerapan | Peratusan |
|------------------------------------|-----------|-----------|
| 3.7 Dan Ke Atas (Kelas Pertama) | 44 | 6.0 |
| 3.0 - <3.7 (Kelas Kedua Tertinggi) | 372 | 50.5 |
| 2.3 - <3.0 (Kelas Kedua Rendah) | 271 | 36.8 |
| 2.0 - <2.3 (Kelas Ketiga) | 39 | 5.3 |
| 1.5 - <2.0 (Lulus) | 10 | 1.4 |
| Jumlah | 736 | 100.0 |

4.3 Taburan Responden

Jadual 4.3 menunjukkan taburan kumpulan etnik dan jantina responden dalam sampel kajian ini. Pelajar Melayu mempunyai peratusan yang paling tinggi iaitu 60% berbanding dengan pelajar Cina 22% dan pelajar India 11%. Selebihnya iaitu lebih kurang 7% merupakan kaum-kaum lain seperti Ceylonese, Eurasian dan pelajar dari negara asing. Terdapat 731 orang responden dalam sampel kajian yang sah dan 5 orang lagi tidak melengkapkan maklumat. Dari kalangan responden yang sah, 40% adalah lelaki dan 60% adalah perempuan. Daripada 292 orang lelaki, 56% adalah pelajar Melayu, 23% adalah Cina, 13% adalah India dan 9% untuk yang lain-lain. Daripada 439 orang perempuan, 63% adalah pelajar Melayu, 21% adalah Cina, 11% adalah India dan 6% untuk yang lain-lain.

Jadual 4.3: Taburan Sampel Kajian Mengikut Kumpulan Etnik Dan Jantina

| Kumpulan Etnik | Jantina | | | | Jumlah | |
|----------------|---------|------|-----------|------|--------|------|
| | Lelaki | | Perempuan | | | |
| | n | % | n | % | n | % |
| Melayu | 162 | 55.5 | 276 | 62.9 | 438 | 59.9 |
| Cina | 66 | 22.6 | 92 | 21.0 | 158 | 21.6 |
| India | 37 | 12.7 | 46 | 10.5 | 83 | 11.4 |
| Lain-lain | 27 | 9.3 | 25 | 5.7 | 52 | 7.2 |
| Jumlah | 292 | 100 | 439 | 100 | 731 | 100 |

n = Bilangan responden

% = Peratusan

Pembolehubah-pembolehubah lain bagi menggambarkan latar belakang responden diringkaskan dalam Jadual 4.4. Dapat dilihat bahawa taburan responden mengikut jenis sekolah rendah, majoritinya (85%) berasal dari Sekolah Kebangsaan. Selebihnya (15%) adalah berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Daripada jumlah ini, 85% adalah berasal dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan selebihnya 15% adalah berasal dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Dalam pada itu, Jadual 4.4 juga menunjukkan 34% daripada bapa pelajar yang dikaji hanya menerima pendidikan setakat sekolah rendah/ tak pernah bersekolah sementara 36% daripada bapa responden menerima pendidikan tertinggi sehingga sekolah menengah (SRP/ PMR dan SPM/ SPVM). Peratusan bapa yang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu tingkatan 6/ maktab/ politeknik dan universiti mencatat sebanyak 24%.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah Rendah, Peringkat Pendidikan Tertinggi Bapa, Tempat Kediaman Awal, Dan Tempat Tinggal Semasa Belajar Di Universiti Malaya (UM)

| Item | Bilangan responden | Peratusan (%) |
|--|--------------------|---------------|
| Jenis Sekolah Rendah | 730 | |
| Sekolah Kebangsaan | 620 | 84.9 |
| Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) | 94 | 12.9 |
| Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) | 16 | 2.2 |
| Peringkat Pendidikan Tertinggi Bapa | 730 | |
| Tak pernah bersekolah | 42 | 5.8 |
| Sekolah rendah | 208 | 28.5 |
| Sekolah agama | 43 | 5.9 |
| SRP/ PMR | 87 | 11.9 |
| SPM/ SPVM | 179 | 24.5 |
| Tingkatan 6/ Maktab/ Politeknik | 83 | 11.4 |
| Universiti | 88 | 12.1 |
| Tempat Kediaman Awal | 731 | |
| Bandar besar | 259 | 35.4 |
| Pekan kecil | 250 | 34.2 |
| Luar bandar | 222 | 30.4 |
| Tempat Tinggal Semasa Belajar Di UM | 736 | |
| Asrama universiti | 321 | 43.6 |
| Asrama luar kampus | 71 | 9.6 |
| Rumah sendiri / keluarga | 92 | 12.5 |
| Rumah sewa / bilik di luar kampus | 247 | 33.6 |
| Rumah sahabat | 4 | 0.5 |
| Lain-lain | 1 | 0.1 |

Berdasarkan maklumat tempat kediaman awal di dalam Jadual 4.4, didapati ia bertabur dengan agak sekata di bandar besar, pekan kecil dan luar bandar dengan masing-masing sebanyak 35%, 34% dan 30%.

Majoriti responden (44%) dalam kajian ini tinggal di asrama universiti. Ini diikuti oleh pelajar-pelajar yang tinggal di rumah sewa di luar kampus (34%) dan 13% yang tinggal dengan keluarga sendiri. Hanya sebahagian kecil (0.5%) sahaja yang tinggal di rumah sahabat.

Seterusnya, melalui keputusan di dalam Jadual 4.5 dapat dilihat bahawa taburan agregit SPM/ SPVM dibahagikan kepada 6 kategori agregit yang berada dalam lingkungan 6 hingga 35 unit. Bilangan pelajar yang berada di dalam kategori agregit 11-15 dan 16-20 hampir sama dengan masing-masing 31% dan 29%. Ini bermakna lebih kurang 60% daripada responden berada dalam lingkungan pencapaian sederhana dengan anggapan bahawa kedua-dua kategori tersebut merupakan pencapaian sederhana. Dalam pada itu, lebih kurang 18% mendapat pencapaian paling baik (agregit 6-10). Bagi kategori agregit 21-25, 26-30, dan 31-35, peratusan pelajar adalah 16%, 6% dan 1% masing-masing.

Di samping itu, Jadual 4.5 juga memaparkan maklumat tentang pencapaian responden untuk matapelajaran Matematik dalam peperiksaan SPM. Keputusan matapelajaran ini menjadi pengukur kepada kecekapan matematik pelajar dalam sampel kajian ini secara amnya. Merujuk kepada gred Matematik, didapati 52% daripada

responden mencapai gred cemerlang (gred 1 dan 2) manakala 37% mencapai gred kepujian (gred 3-6) dan hanya 9% setakat lulus (gred 7-8). Hanya 2% pelajar gagal dalam matapelajaran ini. Ini bermakna majoriti pelajar di dalam sampel kajian ini mencapai gred yang baik untuk Matematik.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Agregit SPM/SPVM Dan Gred Matematik

| Item | Bilangan responden | Peratusan (%) |
|---------------------------------|--------------------|---------------|
| Agregit SPM/SPVM | 586 | |
| 6-10 | 107 | 18.3 |
| 11-15 | 180 | 30.7 |
| 16-20 | 169 | 28.8 |
| 21-25 | 91 | 15.5 |
| 26-30 | 32 | 5.5 |
| 31-35 | 7 | 1.2 |
| Gred Matematik dalam SPM | 685 | |
| 1-2 | 356 | 52.0 |
| 3-4 | 165 | 24.1 |
| 5-6 | 90 | 13.1 |
| 7-8 | 61 | 8.9 |
| 9 | 13 | 1.9 |

4.4 Hubungan Latar Belakang Dengan Prestasi Pelajar

4.4.1 Jantina

Daripada Jadual 4.6 dapat dilihat bahawa pada keseluruhannya, min CGPA pelajar lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Pelajar lelaki dalam sampel kajian ini secara puratanya mencapai min CGPA 3.04 manakala pelajar perempuan mencapai min CGPA 3.00. Dengan demikian, perbezaan pencapaian min CGPA oleh pelajar lelaki dan perempuan hanya memperlihatkan sisihan yang kecil iaitu sebanyak 0.04 unit. Ujian Levene memberi nilai 0.058 dengan nilai-p = 0.810. Oleh yang demikian, dengan andaian kehomogenan varians, ujian-t dijalankan. Didapati bahawa nilai t = 0.989 dengan nilai-p = 0.323 (>0.05). Ini bermakna min CGPA yang dicapai oleh pelajar lelaki dan perempuan tidak berbeza secara signifikan pada aras keyakinan 95%.

Jadual 4.6: CGPA Pelajar Mengikut Jantina Secara Keseluruhan

| Jantina | Saiz Sampel, n | Min | Median |
|-----------|----------------|------|--------|
| Lelaki | 293 | 3.04 | 3.10 |
| Perempuan | 442 | 3.00 | 3.00 |

Seterusnya, prestasi pelajar dari segi perbezaan jantina telah ditinjau mengikut jenis aliran pengajian masing-masing. Melalui Jadual 4.7, dapat dilihat bahawa pelajar lelaki dari aliran Sains dan Sastera secara puratanya mendapat min CGPA yang lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Namun demikian, pelajar lelaki dan perempuan dari

aliran Sastera menunjukkan prestasi yang hampir sama dengan min CGPA masing-masing 3.10 dan 3.08 unit. Sebaliknya, prestasi pelajar perempuan dalam aliran Sastera Profesional mencapai min CGPA yang lebih baik daripada pelajar lelaki dengan min CGPA masing-masing 2.97 dan 2.93 walaupun nilainya tidak jauh berbeza. Walau bagaimanapun, nilai median CGPA mereka adalah sama iaitu 3 unit. Namun demikian, melalui ujian-t, dapat dilihat bahawa pada hakikatnya, min CGPA yang dicapai oleh pelajar lelaki dan perempuan dari semua aliran pengajian tersebut tidak berbeza secara signifikan.

Jadual 4.7: CGPA Pelajar Mengikut Jantina Berdasarkan Jenis Aliran Pengajian

| Jenis Aliran Jantina | Sains | | | Sastera | | | Sastera Profesional | | |
|----------------------------|-------|------|--------|---------|------|--------|---------------------|------|--------|
| | n | Min | Median | n | Min | Median | n | Min | Median |
| Lelaki | 121 | 3.05 | 3.10 | 99 | 3.10 | 3.14 | 73 | 2.93 | 3.00 |
| Perempuan | 130 | 2.93 | 2.99 | 188 | 3.08 | 3.05 | 124 | 2.97 | 3.00 |

n = saiz sampel

Analisa yang lebih terperinci mengenai perbezaan pencapaian pelajar mengikut jantina berdasarkan fakulti pengajian mereka tidak dibuat memandangkan saiz sampel yang kecil.

4.4.2 Kumpulan Etnik

Faktor ini dikaji berdasarkan kepada situasi di Malaysia di mana pelajar kita terdiri daripada berbagai-bagai kumpulan etnik. Antaranya termasuklah kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain (Bumiputra lain dari Sabah dan Sarawak, Ceylonese, Eurasian dan

ain-lain). Jadual 4.8 menunjukkan min CGPA yang dicapai oleh responden dalam Semester I sesi 2000/01 berdasarkan kumpulan etnik masing-masing. Dapat dilihat bahawa pelajar Cina secara purata memperolehi CGPA yang paling baik iaitu 3.23 unit berbanding dengan kumpulan etnik yang lain dengan julat perbezaannya 0.29 unit.

Jadual 4.8: CGPA Mengikut Kumpulan Etnik Pelajar Secara Keseluruhan

| Kumpulan Etnik | Saiz Sampel, n | Min | Median |
|----------------|----------------|------|--------|
| Melayu | 440 | 2.94 | 2.98 |
| Cina | 158 | 3.23 | 3.25 |
| India | 83 | 2.98 | 3.01 |
| Lain-lain | 52 | 2.99 | 3.00 |

Statistik Levene memberi nilai 1.702 dengan nilai-p = 0.165 (> 0.05), oleh itu hipotesis nol yang menyatakan kehomogenean varians antara kumpulan etnik tidak dapat ditolak. Keputusan ujian Levene yang tidak signifikan ini bermakna varians bagi setiap kumpulan etnik diandaikan sama. Seterusnya, merujuk kepada keputusan ANOVA satu hala dalam Jadual 4.9, didapati bahawa statistik-F bernilai 17.045 dengan nilai-p yang sepadan ialah 0.000 (< 0.05), maka ujian ke atas hipotesis nol ditolak dan sebaliknya hipotesis alternatif yang mencadangkan terdapat perbezaan tahap pencapaian akademik yang signifikan di antara pelajar berdasarkan kumpulan etnik diterima.

Seterusnya, keputusan ujian Scheffe menunjukkan dengan jelas pasangan kumpulan yang berbeza secara signifikan. Didapati bahawa kaum Melayu dan Cina menunjukkan perbezaan nilai min CGPA yang signifikan dengan beza antara min bernilai

0.290 dan nilai-p setara dengan 0.000 (< 0.05). Begitu juga dengan min CGPA yang dicapai oleh kaum Cina dan India dengan beza antara min bernilai 0.248 dan nilai-p setara dengan 0.001 (< 0.05). Sebaliknya, min CGPA yang dicapai oleh kaum Melayu dan India tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan kerana dengan beza antara min bernilai 0.004 dan nilai-p yang sepadan ialah 0.889 (> 0.05).

Jadual 4.9: ANOVA Untuk Min CGPA Setiap Kumpulan Etnik Pelajar Secara Keseluruhan

| Punca Variasi | Darjah Kebebasan (d.k) | Jumlah Kuasa Dua (JKD) | Min Kuasa Dua (MKD) | F | Nilai-p |
|-----------------|---------------------------|---------------------------|------------------------|--------|---------|
| Antara Kumpulan | 3 | 9.914 | 3.305 | 17.045 | 0.000 |
| Dalam Kumpulan | 728 | 141.138 | 0.194 | | |
| Jumlah | 731 | 151.051 | | | |

Analisa yang selanjutnya dibuat untuk melihat perbezaan pencapaian pelajar berdasarkan jenis aliran pengajian mereka. Keputusannya ditunjukkan dalam Jadual 4.10. Melalui jadual ini, didapati pada keseluruhannya pelajar Cina dalam ketiga-tiga aliran berkenaan mendapat min CGPA yang paling tinggi berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Beza di antara min CGPA tertinggi dan terendah dalam aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 0.43, 0.15 dan 0.45.

Jadual 4.10: CGPA Pelajar Mengikut Kumpulan Etnik Pelajar Berdasarkan Jenis Aliran Pengajian

| Jenis Etnik | Aliran | Sains | | | Sastera | | | Sastera Profesional | | |
|-------------|--------|-------|------|--------|---------|------|--------|---------------------|------|--------|
| | | n | Min | Median | n | Min | Median | n | Min | Median |
| Melayu | | 135 | 2.85 | 2.87 | 182 | 3.05 | 3.05 | 122 | 2.89 | 2.90 |
| Cina | | 71 | 3.28 | 3.25 | 43 | 3.20 | 3.21 | 44 | 3.19 | 3.20 |
| India | | 24 | 2.88 | 2.92 | 38 | 3.07 | 3.08 | 21 | 2.95 | 3.02 |
| Lain-lain | | 19 | 2.94 | 3.03 | 22 | 3.15 | 3.06 | 11 | 2.74 | 2.80 |

1 = saiz sampel

Seterusnya, statistik Levene bagi aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 1.466 (nilai-p = 0.230), 0.063 (nilai-p = 0.979) dan 1.498 (nilai-p = 0.217). Dengan demikian, anggapan kehomogenan varians bagi min CGPA setiap kumpulan etnik tercapai bagi semua aliran tersebut. Keputusan ini disusuli oleh ujian-F. Statistik F bagi aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 14.499 (nilai-p = 0.000), 1.739 (nilai-p = 0.159) dan 6.580 (nilai-p = 0.000). Berdasarkan nilai-p yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa tahap pencapaian akademik bagi responden dari aliran Sains dan Sastera Profesional adalah berbeza secara signifikan berdasarkan kumpulan etnik. Sebaliknya, bagi responden dari aliran Sastera, tidak terdapat perbezaan tahap pencapaian akademik yang signifikan di antara pelajar berdasarkan kumpulan etnik.

Melalui Ujian Perbandingan Berganda iaitu ujian Scheffe yang dilakukan ke atas setiap pasangan kumpulan etnik pelajar dalam aliran Sains, dapat dilihat bahawa pencapaian kaum Melayu dan Cina menunjukkan perbezaan nilai min CGPA yang

signifikan dengan beza antara min kedua-dua kumpulan etnik ini setara dengan 0.431 dan nilai-p yang sepadan ialah 0.000. Begitu juga dengan min CGPA yang dicapai oleh kaum Cina dan India dengan beza antara min kedua-dua kumpulan etnik ini setara dengan 0.399 dan nilai-p yang sepadan ialah 0.004. Sebaliknya, min CGPA yang dicapai oleh kaum Melayu dan India tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Ini bermakna perbezaan pencapaian akademik pelbagai kaum dari kalangan pelajar aliran Sains menunjukkan keadaan yang sama seperti perbandingan yang dilakukan ke atas keseluruhan pelajar di dalam sampel kajian ini. Bagi pelajar aliran Sastera Profesional pula, hanya menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara pencapaian pelajar Cina dan Melayu dengan beza antara min kedua-dua kumpulan etnik ini setara dengan 0.296 dan nilai-p yang sepadan ialah 0.001.

4.4.3 Jenis Sekolah Rendah

Terdapat tiga aliran utama bagi jenis sekolah rendah di negara kita. Antaranya termasuklah sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Lazimnya, kebanyakan pelajar Cina mengikuti pelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina manakala pelajar India terutamanya yang berasal dari estet belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Namun demikian, terdapat segelintir pelajar Cina dan pelajar India yang belajar di Sekolah Kebangsaan. Begitu juga dengan pelajar Melayu dan pelajar India yang belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Jadual 4.11 telah menunjukkan min CGPA yang dicapai oleh responden dalam sampel kajian yang berasal dari jenis sekolah rendah yang berbeza. Pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina telah digabungkan memandangkan saiz sampel bagi pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang kecil ($n = 16$). Pada keseluruhannya, pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan memperolehi keputusan yang lebih baik daripada pelajar yang berasal dari Sekolah Kebangsaan dengan sisaikan min CGPA 0.24. Seterusnya, ujian Levene menunjukkan nilai 1.163 dengan nilai-p yang sepadan ialah 0.281, maka tertunjuk varians kedua-dua kumpulan adalah sama. Dengan andaian demikian, ujian-t menunjukkan bahawa perbezaan min CGPA adalah signifikan antara pelajar yang berasal dari Sekolah Kebangsaan dengan pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan ($t = 5.341$, nilai-p = 0.000).

Jadual 4.11: CGPA Mengikut Jenis Sekolah Rendah Pelajar Secara Keseluruhan

| Jenis Sekolah Rendah | Saiz Sampel, n | Min | Median |
|--|----------------|------|--------|
| Sekolah Kebangsaan | 620 | 2.98 | 3.00 |
| Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina/ Tamil) | 110 | 3.22 | 3.25 |

Berdasarkan Jadual 4.12, terserlah pelajar yang pernah belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan secara puratanya mempunyai prestasi yang lebih baik kerana min CGPA bagi golongan ini adalah paling tinggi untuk ketiga-tiga jenis aliran pengajian. Melalui ujian Levene, statistik Levene bagi aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 0.553 (nilai-p = 0.458), 0.128 (nilai-p = 0.721) dan 3.174 (nilai-p = 0.076). Dengan demikian, didapati nyata sekali wujud kehomogenan varians bagi semua

Jenis aliran pengajian pada aras 0.05. Seterusnya, melalui ujian-t yang dilakukan, statistik bagi aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 4.000 (nilai-p = 0.000), 2.035 (nilai-p = 0.043) dan 3.650 (nilai-p = 0.000). Oleh itu, perbezaan pencapaian akademik di antara pelajar yang berasal dari Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan adalah berbeza secara signifikan pada aras keyakinan 15% bagi semua aliran pengajian.

Jadual 4.12: CGPA Pelajar Mengikut Jenis Sekolah Rendah Pelajar Berdasarkan Jenis Aliran Pengajian

| Jenis Aliran Sekolah | Sains | | | Sastera | | | Sastera Profesional | | |
|----------------------------------|-------|------|--------|---------|------|--------|---------------------|------|--------|
| | n | Min | Median | n | Min | Median | n | Min | Median |
| Sekolah Keb. | 201 | 2.92 | 2.98 | 254 | 3.06 | 3.06 | 165 | 2.90 | 2.92 |
| Sek. Ren. Jenis Keb.(Cina/Tamil) | 46 | 3.24 | 3.24 | 32 | 3.23 | 3.36 | 32 | 3.20 | 3.22 |

1.4.4 Pendidikan Tertinggi Bapa

Melalui keputusan dari Jadual 4.13, didapati pelajar yang mempunyai bapa yang tak pernah bersekolah atau setakat sekolah rendah mencapai min CGPA yang paling rendah iaitu 2.98. Nilai ini tidak banyak berbeza daripada min CGPA yang dicapai oleh pelajar dengan bapa yang pernah menerima pendidikan di sekolah menengah. Sementara itu, pelajar dengan bapa yang pernah menerima pendidikan yang lebih tinggi (tingkatan 6 dan ke atas) mencapai keputusan yang paling baik dengan min CGPA 3.11.

Jadual 4.13: CGPA Mengikut Peringkat Pendidikan Tertinggi Bapa Kepada Pelajar Secara Keseluruhan

| Peringkat Pendidikan Tertinggi Bapa | Saiz Sampel, n | Min | Median |
|--|-------------------|------|--------|
| Tak pernah bersekolah/ Sekolah rendah/ Sekolah agama | 293 | 2.98 | 3.00 |
| Sekolah menengah | 266 | 2.99 | 3.00 |
| Tingkatan 6/ Maktab/ Politeknik/ Universiti | 171 | 3.11 | 3.10 |

Setelah dilakukan ujian Levene, didapati statistiknya bernilai 0.663 dengan nilai-p yang sepadan ialah 0.515 (> 0.05). Oleh yang demikian, terbukti wujud kehomogenan varians bagi semua kumpulan berkenaan. Seterusnya melalui keputusan ujian ANOVA satu hala seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 4.14, dapat diperhatikan bahawa statistik F = 4.833 dan nilai-p yang sepadan ialah 0.008 (< 0.05). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa nilai min CGPA yang dicapai oleh responden adalah berbeza secara signifikan merentasi perbezaan tahap pendidikan yang diterima oleh bapa mereka. Selanjutnya, ujian Scheffe telah memperlihatkan perbezaan pencapaian yang signifikan berlaku di antara kumpulan pelajar yang bapanya tak pernah bersekolah atau menerima pendidikan setakat sekolah rendah atau sekolah agama dengan kumpulan yang bapanya pernah belajar di tingkatan 6/ maktab/ politeknik/ universiti (nilai-p = 0.016 < 0.05). Pencapaian pelajar yang bapanya berpendidikan sekolah menengah juga berbeza secara signifikan dengan pelajar yang bapanya pernah belajar di tingkatan 6/ maktab/ politeknik/ universiti (nilai-p = 0.026 < 0.05).

Jadual 4.14: ANOVA Untuk Min CGPA Setiap Kumpulan Pendidikan Tertinggi Bapa Secara Keseluruhan

| Punca Variasi | Darjah Kebebasan (d.k) | Jumlah Kuasa Dua (JKD) | Min Kuasa Dua (MKD) | F | Nilai-p |
|-----------------|---------------------------|---------------------------|------------------------|-------|---------|
| Antara Kumpulan | 2 | 1.979 | 0.989 | 4.833 | 0.008 |
| Dalam Kumpulan | 727 | 148.815 | 0.205 | | |
| Jumlah | 729 | 150.794 | | | |

Melalui Jadual 4.15, nyatakan pelajar dengan bapa yang menerima pendidikan tertinggi di peringkat tingkatan 6 dan ke atas telah mencatat min CGPA yang paling tinggi dalam tiga aliran pengajian yang berbeza iaitu 3.08 unit untuk pelajar dari aliran Sains, 3.14 unit untuk pelajar dari aliran Sastera dan 3.12 unit untuk pelajar dari aliran Sastera Profesional.

Jadual 4.15: CGPA Pelajar Mengikut Peringkat Pendidikan Tertinggi Bapa Kepada Pelajar Berdasarkan Jenis Aliran Pengajian

| Jenis Aliran Pendidikan Bapa | Sains | | | Sastera | | | Sastera Profesional | | |
|--|-------|------|------|---------|------|------|------------------------|------|------|
| | n | Min | Med | n | Min | Med | n | Min | Med |
| Tak pernah bersekolah/ Sekolah rendah/ Sekolah agama | 89 | 2.91 | 2.95 | 132 | 3.11 | 3.12 | 72 | 2.84 | 2.83 |
| Sekolah menengah | 92 | 3.00 | 3.00 | 98 | 3.01 | 3.01 | 76 | 2.95 | 3.00 |
| Tingkatan 6/ Maktab/ Politeknik/ Universiti | 67 | 3.08 | 3.13 | 54 | 3.14 | 3.11 | 50 | 3.12 | 3.10 |

n = saiz sampel

med = median

Sebelum ujian ANOVA satu hala dijalankan untuk membuat perbandingan min CGPA bagi setiap kumpulan berdasarkan jenis aliran pengajian, statistik Levene bagi semua aliran telah mengesahkan kehomogenan varians bagi semua kumpulan pendidikan tertinggi yang pernah diterima oleh bapa kepada responden. Nilai statistik Levene yang iperolehi bagi pelajar dari aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing adalah 0.602 (nilai-p = 0.549), 1.155 (nilai-p = 0.317) dan 1.510 (nilai-p = 0.223). Selanjutnya, dari ujian ANOVA satu hala, didapati statistik F bagi aliran Sains ialah 1.266 dengan nilai-p = 0.106 (> 0.05). Oleh itu, tiada perbezaan min CGPA yang ignifikan antara semua kumpulan pelajar dengan pendidikan tertinggi bapa yang perbeza. Begitu juga dengan pencapaian akademik oleh pelajar dari aliran Sastera. Ini kerana statistik F bagi aliran Sastera ialah 2.140 dengan nilai-p = 0.120 (> 0.05) yang juga menyebabkan tiada bukti yang kukuh untuk tolak hipotesis nol. Namun demikian, seadaan yang sebaliknya ditunjukkan oleh pelajar dari aliran Sastera Profesional di mana statistik F-nya memberi nilai yang lebih tinggi, iaitu 6.637 dengan nilai-p yang sepadan ialah 0.002 (< 0.05). Melalui ujian Scheffe, dapat ditunjukkan wujud perbezaan yang ignifikan di antara pencapaian pelajar yang bapanya tak pernah bersekolah/ sekolah rendah/ sekolah agama dengan pelajar yang bapanya pernah menerima pendidikan tingkatan 6 dan ke atas dengan beza antara min CGPA sebanyak 0.28 unit dan nilai-p yang sepadan ialah 0.002 (< 0.05).

4.4.5 Tempat Kediaman Awal Pelajar

Pada keseluruhannya, saiz sampel bagi responden yang berasal dari bandar, pekan kecil dan luar bandar tidak jauh berbeza. Merujuk kepada dapatan kajian yang diringkaskan dalam Jadual 4.16, dapat diperhatikan bahawa pelajar yang tinggal di bandar besar secara puratanya mencapai keputusan yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang tinggal di pekan kecil dan juga luar bandar. Pelajar yang berasal dari bandar besar memperolehi min CGPA 3.05 berbanding dengan 2.96 bagi pelajar yang berasal dari luar bandar.

Jadual 4.16: CGPA Mengikut Tempat Kediaman Awal Pelajar Secara Keseluruhan

| Tempat kediaman Awal | Saiz Sampel, n | Min | Median |
|----------------------|----------------|------|--------|
| Bandar besar | 259 | 3.05 | 3.07 |
| Pekan kecil | 251 | 3.03 | 3.02 |
| Luar bandar | 222 | 2.96 | 3.00 |

Namun demikian, dapat ditunjukkan bahawa pada hakikatnya tiada perbezaan min CGPA yang signifikan bagi pencapaian pelajar dalam setiap pasangan jenis tempat kediaman tersebut. Berhubung dengan ini, statistik Levene memberi nilai 1.015 dengan nilai-p yang sepadan ialah 0.363 (> 0.05), maka disahkan kehomogenan varians setiap kumpulan pelajar berdasarkan perbezaan tempat kediaman awal mereka. Jadual 4.17 menunjukkan keputusan ujian ANOVA satu hala di mana hipotesis nol yang mencadangkan tiada perbezaan min CGPA yang dicapai oleh pelajar berdasarkan perbezaan tempat kediaman awal mereka diterima kerana nilai-p yang sepadan dengan statistik F lebih besar daripada 0.05.

Jadual 4.17: ANOVA Untuk Min CGPA Berdasarkan Tempat Kediaman Awal Pelajar Secara Keseluruhan

| Punca Variasi | Darjah Kebebasan (d.k) | Jumlah Kuasa Dua (JKD) | Min Kuasa Dua (MKD) | F | Nilai-p |
|-----------------|---------------------------|---------------------------|------------------------|-------|---------|
| Antara Kumpulan | 2 | 1.062 | 0.531 | 2.571 | 0.077 |
| Dalam Kumpulan | 728 | 150.296 | 0.206 | | |
| Jumlah | 730 | 151.358 | | | |

Berdasarkan keputusan dari Jadual 4.18, didapati majoriti pelajar dalam aliran Sains adalah berasal dari bandar besar dan golongan ini telah mendapat min CGPA yang paling tinggi iaitu 3.04 unit. Pelajar dalam aliran Sains yang berasal dari luar bandar pula mencatat min CGPA yang paling rendah iaitu 2.83 unit. Begitu juga dengan pelajar dalam aliran Sastera Profesional dengan min CGPA paling tinggi untuk pelajar yang berasal dari bandar besar dan paling rendah untuk pelajar dari luar bandar dengan min CGPA masing-masing ialah 3.00 dan 2.91 unit dengan beza antara dua nilai min ini tidak melebihi 1 unit. Sementara itu, bagi pelajar dalam aliran Sastera, pelajar yang berasal dari pekan keciliah yang mendapat min CGPA paling tinggi iaitu 3.10 unit.

Jadual 4.18: CGPA Pelajar Mengikut Tempat kediaman Awal Pelajar Berdasarkan Jenis Aliran Pengajian

| Jenis Aliran | Sains | | | Sastera | | | Sastera Profesional | | |
|-----------------|-------|------|--------|---------|------|--------|---------------------|------|--------|
| | n | Min | Median | n | Min | Median | n | Min | Median |
| Tempat Kediaman | | | | | | | | | |
| Bandar besar | 112 | 3.04 | 3.05 | 89 | 3.09 | 3.10 | 58 | 3.00 | 3.01 |
| Pekan kecil | 85 | 3.01 | 3.03 | 99 | 3.10 | 3.10 | 66 | 2.96 | 2.97 |
| Luar bandar | 53 | 2.83 | 2.93 | 96 | 3.06 | 3.04 | 73 | 2.91 | 3.00 |

Keputusan di atas diikuti oleh ujian ANOVA satu hala. Daripada statistik Levene, didapati kehomogenan varians tercapai bagi semua jenis aliran pengajian kerana kesemuanya mempunyai nilai-p kurang daripada 0.05. Statistik F bagi aliran Sains ialah 3.386 (nilai-p = 0.035 < 0.05), oleh itu, nilai min CGPA adalah berbeza secara signifikan merentasi setiap kumpulan pelajar berdasarkan tempat kediaman awal mereka. Sebaliknya, statistik F bagi aliran Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 0.156 (nilai-p = 0.856) dan 0.709 (nilai-p = 0.493). Ini bermakna tiada perbezaan min CGPA yang signifikan bagi pelajar dalam aliran Sastera dan Sastera Profesional.

Seterusnya, melalui ujian Scheffe, ditunjukkan bahawa bagi pelajar aliran Sains, min CGPA pelajar yang berasal dari bandar besar berbeza secara signifikan dengan pelajar yang berasal dari luar bandar (nilai-p = 0.044).

4.4.6 Tempat Tinggal Semasa Belajar Di UM

Disebabkan kekurangan bilik yang mencukupi di asrama universiti, maka sebahagian daripada pelajar UM perlu menginap di bilik yang disewa di luar kampus atau tinggal di rumah kawan. Dengan demikian, faktor tempat tinggal pelajar semasa belajar di UM dikaji untuk melihat pengaruhnya terhadap pencapaian akademik pelajar. Daripada Jadual 4.19 dapat dilihat bahawa pelajar yang tinggal di asrama dan rumah sewa/ bilik di luar kampus masing-masing memperolehi min CGPA 3.02 dan 3.01. Dengan demikian, perbezaan prestasi antara pelajar-pelajar yang tinggal di asrama dengan rumah sewa/ bilik di luar kampus tidak jauh berbeza memandangkan sisihan min CGPA yang dicapai hanya bernilai 0.01 unit. Ujian Levene memberi nilai 0.798 dengan nilai-p = 0.372 (> 0.05). Oleh yang demikian, dengan andaian kehomogenan varians, ujian-t dijalankan. Didapati bahawa $t = 0.382$ dengan nilai-p = 0.703 (> 0.05). Keputusan ujian-t ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi min CGPA di antara pelajar yang tinggal di asrama dengan pelajar yang tinggal di luar kampus.

Jadual 4.19: CGPA Mengikut Tempat Tinggal Pelajar Semasa Belajar Di UM

Secara Keseluruhan

| Tempat Tinggal Pelajar Di UM | Saiz Sampel, n | Min | Median |
|----------------------------------|----------------|------|--------|
| Asrama | 321 | 3.02 | 3.02 |
| Rumah sewa/ bilik di luar kampus | 415 | 3.01 | 3.00 |

Melalui Jadual 4.20, pelajar dari aliran Sains dan Sastera Profesional menunjukkan prestasi yang lebih baik bagi pelajar yang tinggal di rumah sewa/ bilik di

luar kampus berbanding dengan pelajar yang tinggal di asrama. Sebaliknya, bagi pelajar aliran Sastera, pelajar yang tinggal di asrama mendapat min CGPA yang lebih tinggi daripada pelajar yang tinggal di rumah sewa/ bilik di luar kampus dengan min CGPA masing-masing ialah 3.11 dan 3.06. Melalui ujian Levene, statistik Levene bagi aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 0.004 (nilai-p = 0.948), 1.817 (nilai-p = 0.179) dan 0.016 (nilai-p = 0.899). Dengan demikian, ini menunjukkan kehomogenan varians tercapai bagi semua aliran pengajian yang dikaji pada aras keyakinan 95%. Seterusnya, melalui ujian-t yang dilakukan, statistik t bagi aliran Sains, Sastera dan Sastera Profesional masing-masing ialah 0.362 (nilai-p = 0.718), 0.898 (nilai-p = 0.370) dan 0.955 (nilai-p = 0.341). Oleh itu, keputusan ujian-t menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar tidak berbeza secara signifikan untuk kedua-dua jenis tempat kediaman di UM bagi semua aliran pengajian.

Jadual 4.20: CGPA Pelajar Mengikut Tempat Tinggal Pelajar Semasa Belajar Di UM Berdasarkan Jenis Aliran Pengajian

| Jenis Aliran Tempat Kediaman Di UM | Sains | | | Sastera | | | Sastera Profesional | | |
|--|-------|------|------|---------|------|------|---------------------|------|------|
| | n | Min | Med | n | Min | Med | n | Min | Med |
| Asrama | 110 | 2.97 | 3.00 | 149 | 3.11 | 3.08 | 62 | 2.91 | 2.97 |
| Rumah sewa/ bilik di luar kampus | 141 | 3.00 | 3.00 | 138 | 3.06 | 3.10 | 136 | 2.97 | 3.00 |

n = saiz sampel

med = median

4.4.7 Pencapaian Terdahulu: Agregit SPM/ SPVM

Faktor ini dikaji kerana peperiksaan SPM/ SPVM merupakan prasyarat untuk pelajar memasuki Tingkatan 6 dan Matrikulasi sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya. Jadual 4.21 menunjukkan hubungan antara CGPA dengan agregit SPM/ SPVM bagi keseluruhan sampel kajian ini. Didapati semakin kecil nilai agregit yang dicapai semasa SPM/ SPVM maka semakin besar nilai CGPA yang dicapai kerana pekali korelasi yang diperolehi adalah bertanda negatif. Oleh kerana makin kecil nilai agregit SPM/ SPVM, makin baik pencapaian seseorang pelajar, maka ini juga bermakna bahawa pencapaian seseorang pelajar adalah lebih baik seandainya dia pernah mencapai keputusan yang lebih baik semasa peperiksaan SPM/ SPVM. Nilai-p telah menunjukkan hubungan yang signifikan di antara CGPA dan agregit SPM/ SPVM pada aras 0.05 (satu hujung). Walau bagaimanapun, didapati magnitud pekali korelasi adalah kecil dengan nilainya 0.2 menunjukkan hubungan linear yang tidak begitu kuat di antara prestasi pelajar semasa di UM dengan pencapaian pelajar semasa peperiksaan SPM/ SPVM.

Jadual 4.21: Korelasi Pencapaian CGPA Dan Agregit SPM/ SPVM Secara Keseluruhan

| | | CGPA | Agregit SPM/ SPVM |
|----------------------|--------------------|----------|-------------------|
| CGPA | Pekali Korelasi | 1.000 | -0.200** |
| | Nilai-p (1-hujung) | - | 0.000 |
| | Bilangan, N | 736 | 606 |
| Agregit SPM/ SPVM | Pekali Korelasi | -0.200** | 1.000 |
| | Nilai-p (1-hujung) | 0.000 | - |
| | Bilangan, N | 606 | 715 |

** Pekali korelasi adalah signifikan pada aras 0.05 (satu hujung)

Seterusnya, korelasi di antara CGPA dengan agregit SPM/ SPVM telah dikaji dengan lebih terperinci berdasarkan jenis aliran pengajian bagi kursus yang sedang diikuti oleh pelajar di dalam sampel kajian ini. Merujuk kepada keputusannya yang diringkaskan di dalam Jadual 4.22, didapati kedua-dua pembolehubah tersebut menunjukkan hubungan negatif bagi semua aliran pengajian. Selain itu, melalui nilai-p yang diperolehi, didapati wujud hubungan yang signifikan di antara CGPA dan agregit SPM/ SPVM pada aras 0.05 (satu hujung). Berbanding dengan pelajar di dalam aliran Sastera dan Sastera Profesional, nyata sekali pelajar dalam aliran Sains menunjukkan korelasi yang lebih kuat di antara CGPA yang dicapai dengan agregit SPM/ SPVM mereka dengan nilai pekali korelasinya adalah paling besar iaitu 0.30. Nilai pekali korelasi bagi pelajar di dalam aliran Sastera dan Sastera Profesional adalah kecil dengan nilainya kurang daripada 0.20 menandakan hubungan yang tidak begitu kuat di antara kedua-dua pembolehubah yang dikaji itu.

Jadual 4.22: Korelasi Pencapaian CGPA Dan Agregit SPM/ SPVM Berdasarkan Jenis Aliran Pengajian

| Jenis Aliran | Bilangan, n | Pekali Korelasi, r | Nilai-p |
|---------------------|-------------|--------------------|---------|
| Sains | 219 | -0.307** | 0.000 |
| Sastera | 219 | -0.171** | 0.006 |
| Sastera Profesional | 168 | -0.153** | 0.024 |

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.05 (satu hujung)

4.5 Rumusan

Daripada statistik deskriptif bagi CGPA yang dicapai oleh 736 orang pelajar, didapati bahawa pada puratanya pencapaian mereka adalah baik dengan min CGPA yang dicapai bernilai 3.02. Dengan kata lain, pelajar dalam sampel kajian ini secara puratanya mendapat pencapaian Kelas Kedua Tertinggi. Seterusnya, berdasarkan taburan sampel kajian berhubung dengan pencapaian akademik mereka, terserlah majoriti daripada pelajar dalam sampel kajian ini, iaitu 51% mencapai CGPA 3.0-<3.7 (Kelas Kedua Tertinggi).

Melalui maklumat taburan responden berdasarkan latar belakang mereka, didapati bahawa pada keseluruhannya majoriti adalah kaum Melayu (60%) dan perempuan (60%). Dalam pada itu, terdapat 85% daripada keseluruhan sampel kajian menerima pendidikan awalnya di Sekolah Kebangsaan, 34% daripada bapa responden hanya menerima pendidikan tertinggi setakat sekolah rendah dan sekolah agama. 35% daripada responden berasal dari bandar manakala 56% tinggal di luar kampus semasa belajar di UM.

Di samping itu, kira-kira 60% daripada responden berada dalam lingkungan pencapaian sederhana berdasarkan agregit SPM/ SPVM mereka (agregit 11-20 unit). Daripada keseluruhan sampel kajian ini, 52% mendapat gred 1-2 bagi matapelajaran Matematik dalam SPM/ SPVM.

Pada keseluruhannya, melalui dapatan kajian ini, jelaslah bahawa terdapat beberapa faktor latar belakang yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di Universiti Malaya. Antaranya termasuklah kumpulan etnik pelajar, jenis sekolah rendah, pendidikan tertinggi dan pencapaian terdahulu pelajar berkenaan iaitu agregit SPM/SPVM. Faktor-faktor yang lain seperti jantina, tempat kediaman awal pelajar dan tempat tinggal semasa belajar secara amnya tidak memberi kesan yang ketara. Ini bererti pencapaian akademik oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak berbeza secara signifikan. Pencapaian pelajar yang berasal dari bandar dan luar bandar juga tidak berbeza secara signifikan. Begitu juga dengan pencapaian pelajar yang tinggal di luar kampus dan di asrama tidak berbeza secara signifikan. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan ujian-ujian statistik inferens yang dijalankan.

Berhubung dengan faktor kumpulan etnik pelajar, didapati pelajar Cina secara puratanya, mendapat keputusan yang lebih baik. Keputusan yang sama diperolehi oleh pelajar dalam aliran Sains dan Sastera Profesional. Sebaliknya, min CGPA mengikut kaum yang dicapai oleh pelajar aliran Sastera tidak berbeza secara signifikan.

Di samping itu, ujian ke atas pengaruh faktor jenis sekolah rendah menunjukkan bahawa pelajar yang pernah belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan secara puratanya mempunyai prestasi yang lebih baik bagi keseluruhan sampel kajian dan semua jenis aliran pengajian.

Tinjauan ke atas pendidikan tertinggi bapa, didapati pelajar-pelajar di mana bapa-bapa mereka yang pernah menerima pendidikan yang lebih tinggi, iaitu tingkatan 6 dan ke atas telah mencapai min CGPA yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan yang lain terutamanya bagi pelajar-pelajar dalam aliran Sastera Profesional.

Walaupun pencapaian akademik oleh pelajar yang berasal dari bandar dan luar bandar tidak berbeza secara signifikan bagi pelajar-pelajar yang berasal dari aliran Sastera dan Sastera Profesional. Namun demikian, pelajar dari aliran Sains yang berasal dari bandar mendapat min CGPA yang lebih baik.

Terdapat korelasi negatif dan signifikan antara tahap pencapaian akademik di UM dengan pencapaian pelajar semasa peperiksaan SPM/ SPVM. Namun demikian, kaitan antara kedua-dua pembolehubah tersebut tidak begitu kuat.

Secara ringkasnya, berdasarkan dapatan kajian untuk pelajar dari jenis aliran pengajian yang berbeza, didapati pencapaian akademik oleh pelajar yang mengikuti kursus aliran Sains dipengaruhi oleh faktor kumpulan etnik di mana pencapaian pelajar Cina lebih baik berbanding dengan pelajar Melayu dan pelajar India. Jika ditinjau dari segi jenis sekolah rendah, didapati pencapaian akademik oleh pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan juga lebih baik daripada pelajar dari Sekolah Kebangsaan. Dalam pada itu, pelajar yang berasal dari bandar juga mendapat keputusan yang lebih baik daripada pelajar yang berasal dari luar bandar.

Melalui ujian statistik yang dikendalikan, pencapaian akademik bagi pelajar yang mengikuti kursus aliran Sastera hanya dipengaruhi oleh faktor jenis sekolah rendah. Berhubung dengan ini, analisa menunjukkan pencapaian pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan lebih baik daripada Sekolah Kebangsaan. Walaupun min CGPA yang dicapai berhubung secara signifikan dengan pencapaian semasa peperiksaan SPM/SPVM, namun kaitannya adalah rendah.

Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat tiga faktor latar belakang yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar yang mengikuti kursus aliran Sastera Profesional. Di antaranya termasuklah faktor kumpulan etnik di mana pencapaian pelajar Cina pada puratanya lebih baik daripada pelajar Melayu. Begitu juga dengan faktor jenis sekolah rendah di mana pencapaian pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan pada puratanya lebih baik. Di samping itu, pendidikan tertinggi yang pernah diterima oleh bapa terutamanya yang pernah mendapat pendidikan tinggi juga menjadi faktor penggalak kepada pencapaian anak mereka yang mengikuti kursus aliran Sastera Profesional.